



SIARAN MEDIA

INDUSTRI MOHON KKM LIBATKAN INDUSTRI DALAM PEMBANGUNAN PERATURAN DAN BUTIRAN KAWAL SELIA

KUALA LUMPUR, 6 April 2023 – Malaysian Vape Industry Advocacy (MVIA) menyeru Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk melibatkan industri dalam perbincangan membangunkan peraturan dan butiran dalam kawal selia.

Minggu lalu, Kerajaan telah mengambil langkah pertama untuk mengawal selia industri vape dengan mengecualikan cecair dan gel vape yang mengandungi nikotin daripada Akta Racun dan mengenakan cukai ke atas produk tersebut. Perdana Menteri dan Menteri Kesihatan juga menyatakan bahawa suatu peraturan akan diperkenalkan untuk industri dalam masa terdekat.

Menurut **Presiden MVIA, Rizani Zakaria**, industri menyokong langkah untuk mengawal selia industri vape dan berkata libat urus dengan pemain industri adalah amat penting kerana peraturan ini bakal dilaksanakan ke atas industri dan butiran dalam peraturan harus dibincangkan bersama semua pihak.

“Industri menyambut baik keputusan Kerajaan untuk mengambil langkah dalam mengawal selia industri vape. Langkah seterusnya adalah untuk memperkenalkan peraturan serta butiran untuk mengawal selia industri ini,”

Sebelum ini, apabila Kerajaan membentangkan RUU Kawalan Tembakau dan Merokok yang membawa dasar GEG, tentangan hebat telah diberikan bukan sahaja dari industri tetapi dari pakar ekonomi, ilmuan, pakar kesihatan dan ahli parlimen,

“Oleh yang demikian, kali ini, kerajaan perlu membuat perbincangan dengan industri dan mengambil kira pandangan dari semua pihak untuk memastikan peraturan yang bakal diperkenalkan adalah sesuai untuk dilaksanakan,” kata **Rizani**.

Beliau juga berkata, sejak penubuhan Kerajaan Madani ini, industri dan KKM tidak berpeluang untuk membuat sebarang perbincangan dan industri tidak jelas dengan hala tuju yang bakal ditetapkan untuk industri vape dan produk.

“Sehingga kini, kami tiada sebarang perbincangan serta makluman berkenaan butiran kawal selia yang bakal diperkenalkan. Industri tiada butiran yang jelas dalam kadar nikotin yang dibenarkan, bahan-bahan yang terlarang dalam cecair dan gel vape, serta spesifikasi produk yang dibenarkan untuk jualan dan pemasaran.”



“Dan perkara ini tidak boleh ditangguhkan lagi. Perbincangan harus diadakan sekarang supaya keputusan tidak dibuat terburu-buru yang akan memberikan impak dan kesan kepada pemain industri.”

“Pihak industri sedia untuk berbincang dengan KKM untuk mencari penyelesaian dalam perkara ini,” kata Rizani.

Tamat

Mengenai Malaysian Vape Industry Advocacy (MVIA)

MVIA ialah sebuah kumpulan kepentingan khusus yang tidak berlandaskan keuntungan dalam menyokong usahawan dan perniagaan vape Malaysia. Matlamatnya ialah untuk mewakili industri vape dengan menyampaikan suara industri kepada badan kerajaan, pihak berkuasa kawal selia, agensi penguatkuasaan dan pihak berkepentingan yang lain.